

Anjuran Bersama



# sayembara noktah putih 2011

*Pabila Dakwat hitam  
nyula Berbicara...*

31 OGOS 2011

noktahputih2011@gmail.com

Borang Penyertaan Sayembara Noktah Putih 2011

Nama: \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

No. Tel (Rumah/Bimbit): \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Tarikh Lahir: \_\_\_\_\_

Judul Karya -

1) Karya Cerpen Terbuka/Sci-Fi: \_\_\_\_\_

2) Karya Puisi: \_\_\_\_\_

Dengan ini saya mengesahkan bahawa naskah karya ini adalah hasil karya asli saya dan mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Sayembara Noktah Putih 2011.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Untuk kegunaan urus setia:

Tarikh penerimaan: \_\_\_\_\_

No. pendaftaran: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

## **Syarat dan Peraturan**

### Kelayakan

-Peraduan ini terbuka kepada semua warga Singapura dan Penduduk Tetap.

Kategori Remaja - Peserta berumur 20 tahun ke bawah.

Kategori Terbuka - Peserta berumur 21 tahun ke atas.

-Semua karya perlu dihantar dalam Bahasa Melayu.

### Keaslian

-Karya mestilah asli, bukan saduran, adaptasi, penyesuaian atau apa-apa yang membawa pengertian karya itu bukan asli.

-Hanya karya asli dan karya yang belum pernah dicetak/disiarkan sebelum ini akan diterima.

-Karya yang pernah memenangi hadiah di Singapura atau negara lain tidak akan diterima.

-Karya-karya peserta tidak boleh disertakan, diterbitkan atau disiarkan dalam peraduan lain sehingga keputusan peraduan diumumkan.

### Kategori Peraduan

Peraduan ini dibahagikan kepada dua kategori.

a. CerpenTerbuka/Sci-Fi: Sekurang-kurangnya 2000-8000 patah perkataan

b. Puisi: Jumlah koleksi ditetapkan kepada 3 kuntum bagi setiap penyertaan.

Peserta hanya dibenarkan menghantar sebuah cerpen ATAU sebuah puisi ATAU kedua-duanya berserta borang.

### Manuskrip

-Karya yang dihantar mestilah ditaip di atas kertas A4 dengan jarak langkau dua baris dan berjilid kemas.

-Peserta harus menghantar 4 salinan manuskrip yang bercetak dan 1 salinan lembut (e-mel).

-Manuskrip yang dihantar adalah hak milik penganjur dan tidak akan dikembalikan.

### Pengadilan Karya

-Pihak penganjur akan melantik para pengadil setempat dan luar negara. Keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat/panggilan mengenai pengadilan tidak akan dilayan. Pihak pengadil berhak untuk tidak memberi sebarang hadiah jika mendapati tiada penyertaan yang layak menerimanya.

### Hak Cipta / Royalti

-Penganjur berhak menjadi pihak pertama menerbitkan karya-karya yang dinilai. Sekiranya pihak penganjur bercadang untuk tidak menerbitkan, hak cipta akan dipulangkan kepada penulis. Royalti akan ditentukan oleh pihak penerbit. Penerbitan pertama merupakan penerbitan dan penjualan buku bilangan pertama dalam bentuk elektronik ataupun cetakan. Penganjur berhak menandatangani dengan sebarang penerbit bagi menerbitkan penyertaan yang berjaya itu.

### Arahan pentadbiran

-Tulis tajuk karya dan nombor kad pengenalan di sudut kanan bahagian atas setiap halaman manuskrip.

-Jangan tulis nama anda pada manuskrip.

-Bubuhkan jumlah perkataan pada barisan akhir manuskrip. Setiap halaman mestilah dibubuh nombor.

-Penyertaan yang mempunyai halaman yang hilang akan ditolak.

-Penyertaan yang terlewat, sukar dibaca dan tidak lengkap akan ditolak.

-Karya hendaklah sampai kepada urus setia sebelum atau pada tarikh tutup peraduan iaitu, 31 Ogos 2011.

Setiap penyertaan mestilah disertakan borang penyertaan rasmi. Salinan borang juga diterima. Sila hantar dalam sampul surat yang bertulis: "Sayambera Noktah Putih 2011 – Cerpen Terbuka/Sci-Fi atau Sayambara Noktah Putih 2011 Puisi" dan dialamatkan kepada:

Angkatan Sasterawan'50  
90 Goodman Road,  
Blk B, #05-12,  
Goodman Art Centre,  
Singapore 439053

Hantarkan 1 salinan lembut kepada alamat emel: [noktahputih2011@gmail.com](mailto:noktahputih2011@gmail.com)

Untuk maklumat/keterangan lanjut, sila e-mel ke: [noktahputih2011@gmail.com](mailto:noktahputih2011@gmail.com)

Segala peraturan tertakluk kepada perubahan dan penyesuaian, jika perlu. Para pemenang akan diberitahu mengenai butir-butir lanjut apabila berdekatan dengan tarikhnya.

Semua pemenang akan menerima sijil penghargaan.

### Hadiah Cerpen

Remaja / Terbuka

1 x Hadiah Pertama : S\$750 / S\$1000

1 x Hadiah Kedua : S\$450 / S\$700

1 x Hadiah Ketiga : S\$150 / S\$250

### Hadiah Puisi

Remaja / Terbuka

1 x Hadiah Pertama : S\$750 / S\$1000

1 x Hadiah Kedua : S\$450 / S\$700

1 x Hadiah Ketiga : S\$150 / S\$250